

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP**
**KARNIVAL HAIWAN KESAYANGAN ‘LOVE YOUR PAWS’ SEMPENA
CAR FREE MORNING**
JALAN TODAK 2, SEBERANG JAYA
04 DISEMBER 2016 (AHAD)

Terima kasih Pengacara Majlis
Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud
Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha En Mohd Ibrahim bin Md Nor
Timbalan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MPSP

Yang Dihormati Sarjan Wiswar
Ketua Unit K9
Merangkap Wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Yang Dihormati En Rohaizat bin Abdullah
Penolong Pegawai Veterinar
Merangkap Wakil Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang

Yang Dihormati Pn Siti Salwani bin Ismail
Pegawai PERHILITAN
Merangkap Wakil Jabatan Perkhidmatan PERHILITAN

Yang Dihormati Dr Nadia Syuhada Binti Roslan
Pegawai Veterinar
Merangkap Wakil Universiti Malaysia Kelantan

Yang Dihormati Puan Tan Kah Chuah
Pengerusi SPCA Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Turaisingam A/L Mahalingam
Pengerusi Mercy, Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera
Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama-sama menjayakan majlis perasmian Karnival Haiwan Kesayangan ‘Love Your Paws’ sempena Program Car Free Morning pada pagi ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama untuk menjayakan proses pelancaran majlis ini. Terima kasih juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah hadir pada pagi ini.

Para hadirin sekalian,

Untuk makluman para hadirin, karnival haiwan kesayangan ini merupakan salah satu Fokus MPSP di bawah aspek Penguatkuasaan Undang-Undang. MPSP menjadikan pelaksanaan karnival ini sebagai salah satu fokus berikutan fenomena haiwan kesayangan berkeliaran di tempat-tempat awam masih lagi di tahap yang membimbangkan dan aduan berkaitan haiwan kesayangan juga merupakan aduan tertinggi di MPSP. Hasil daripada pemeriksaan aduan yang dijalankan dari premis ke premis mendapati ramai pemilik haiwan kesayangan yang tidak arif dan tidak mempunyai pengetahuan berkaitan undang-undang dan cara-cara pemeliharaan haiwan kesayangan mengikut kaedah yang betul. Justeru, MPSP telah merangka satu fokus yang dilihat dapat menangani isu ini dengan mengadakan Program Karnival Haiwan Kesayangan dengan slogan ‘Love Your Paws’ di mana objektif karnival ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai pemeliharaan dan kawalan haiwan kesayangan. Program ini juga merupakan satu inisiatif daripada pihak MPSP membawa perkhidmatan MPSP terus kepada masyarakat setempat di mana terdapat program di dalam karnival ini yang merupakan perkhidmatan sebagai contoh Program Pemandulan Anjing MPSP dan Program Suntikan Vaksin Rabies dan Pelesenan Anjing MPSP.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Untuk makluman, sebanyak enam program akan dijalankan dalam karnival ini iaitu Program Pendidikan, Program Kawalan Anjing Terbiar MPSP, Program Komuniti, Program Pameran Haiwan Kesayangan, Program Jualan Peralatan & Makanan Haiwan Kesayangan dan Demonstrasi Anjing PDRM. Program Pendidikan ini melibatkan acara ceramah dan pameran statik dan program ini merupakan kerjasama dari pelbagai pihak seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Polis Diraja Malaysia dan NGO khususnya SPCA dan MERCY. Program ini merupakan program utama karnival dimana program ini selari dengan tujuan karnival diadakan untuk memberikan pendidikan serta kesedaran mengenai pemeliharaan haiwan kesayangan. Melalui program ini, masyarakat dapat didekahkan mengenai fungsi jabatan dalam kawalan haiwan kesayangan dan bagaimana ingin menjadi pemilik haiwan yang bertanggungjawab. Pembentukan ke arah pemilik haiwan yang bertanggungjawab amat penting dalam menekankan masalah anjing berkeliaran. Hal ini demikian, kesemua anjing yang berkeliaran di tempat awam merupakan anjing peliharaan yang dibuang oleh pemilik anjing yang tidak bertanggungjawab. Selain ceramah, program ini turut disertakan dengan pameran statik yang menonjolkan konsep tangkapan anjing MPSP dalam menyelesaikan aduan haiwan

berperikemanusiaan iaitu menggunakan produk inovasi , Professional Sniper Gadget (PSG) yang dihasilkan sendiri oleh Bahagian Veterinar MPSP dan telah memenangi beberapa anugerah. PSG ini telah diperakui oleh SPCA Seberang Perai sebagai kaedah yang paling terbaik dan tidak menyeksa anjing yang berkeliaran semasa proses tangkapan. Sehingga November 2016, sebanyak 3772 ekor anjing berjaya ditangkap oleh pihak MPSP di sekitar Seberang Perai meliputi SPS,SPT dan SPS.

Program Kawalan Anjing Terbiar Sifar MPSP pula merangkumi empat aktiviti iaitu Program Pameran Program Pemandulan Anjing MPSP & Promosi Klinik Pemandulan MPSP, Program Suntikan Vaksin Rabies & Pelesenan Anjing MPSP, Program Pemandulan Anjing MPSP dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan dan Program ‘Dog & Cat Adoption’ MPSP dengan kerjasama NGO. Program Pemandulan Anjing MPSP dengan UMK merupakan salah satu juga produk inovasi pihak MPSP (Zero Puppies Project) dimana projek ini merupakan program kolaborasi antara PBT dan IPT dalam mengurangkan populasi anjing terbiar dan juga merupakan inisiatif yang diambil oleh pihak MPSP dalam menangani isu anjing terbiar di Seberang Perai. Sehingga kini lebih 480 ekor anjing berjaya dimandulkan di seluruh Seberang Perai. Program Pemandulan ini

jugak termasuk salah satu pelan tindakan Pelan Strategi Anjing Terbiar Sifar 2015-2018 . Untuk makluman, pemandulan merupakan kaedah yang paling efektif dalam menangani masalah anjing terbiar namun ia memerlukan masa untuk menampakan hasil dan kaedah ini juga memerlukan komitmen yang tinggi dari segi wang ringgit dan juga masa daripada pemilik haiwan. Justeru, MPSP ingin menyeru kepada semua pemilik anjing di Seberang Perai untuk mendaftar di bawah Program Pemandulan Anjing MPSP, dimana dibawah program ini pemilik anjing dapat menikmati kadar bayaran pemandulan terendah iaitu hanya RM 180.00 untuk pemandulan anjing betina dan RM 80.00 untuk pemandulan anjing jantan. Untuk mendaftar di bawah program ini, pemilik bolehlah menghubungi nombor di talian 04-5402566 atau mendaftar di mana-mana khemah MPSP. Marilah berdaftar beramai-ramai untuk merealisasikan Seberang Perai Menuju Sifar Anjing Terbiar.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Program Suntikan Vaksin Rabies dan Pelesenan Anjing pula merupakan satu inisiatif MPSP membawa perkhidmatan terus kepada masyarakat bagi mendapatkan perkhidmatan ‘2 in 1’ iaitu perkhidmatan suntikan vaksin dan

pelesenan anjing. Seperti yang semua sedia maklum, Pulau Pinang masih lagi dalam tempoh pemulihan penyakit rabies (penyakit anjing gila), oleh yang demikian, semua pemilik anjing yang ingin melesenkan anjing peliharaan masing-masing hendaklah terlebih dahulu mendapatkan suntikan vaksin rabies. Jika dahulunya suntikan vaksin hanya boleh didapati di JPV dan klinik veterinar swasta, namun kini MPSP turut menawarkan perkhidmatan suntikan vaksin rabies dan pemilik boleh terus mendapatkan lesen anjing. Ini bermakna pemilik tidak lagi perlu untuk berurusan dengan dengan dua agensi berbeza bagi mendapatkan kedua-dua perkhidmatan kerana MPSP menyediakan kedua-dua perkhidmatan pada waktu dan tempat yang sama. Pemilik anjing yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan ini bolehlah ke khemah Program Suntikan Vaksin Rabies dan Pelesenan Anjing MPSP. Bayaran RM 45.00 sahaja yang akan dikenakan iaitu RM 35.00 untuk suntikan vaksin dan RM 10.00 untuk lesen anjing. Di bawah program ini, MPSP telah berjaya membuat suntikan dan melesenkan ke atas 513 ekor anjing. Perlu diingatkan bahawa memelihara anjing tanpa lesen merupakan satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing MPSP 1982 dan boleh dikompaun sebanyak RM 250.00.

Program ‘Dog & Cat Adoption’ MPSP, Pameran Baka Kucing Tercantik, Pameran Haiwan Eksotik, Pameran Kuiz Haiwan Kesayangan dan Program Jualan Peralatan & Makanan Haiwan Kesayangan serta demonstrasi anjing Unit K9 merupakan aktiviti untuk mendekati masyarakat kepada haiwan untuk lebih mengenai haiwan-haiwan ini. Perkara ini penting dalam memupuk sikap bertanggungjawab dan prihatin terhadap haiwan kesayangan. Hal ini demikian, banyak kes-kes aduan yang MPSP terima berkaitan anjing terbiar dan anjing peliharaan disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab pemilik anjing. Sehingga kini, sebanyak 985 aduan berkaitan anjing diterima, 500 notis kesalahan serta 360 kompaun berkaitan anjing dikeluarkan oleh pihak MPSP. Setakat ini sebanyak 161 kompaun sudah pun dibayar. Diharapkan melalui program-program ini, pemilik haiwan kesayangan akan bersikap lebih bertangggungjawab.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk merealisasikan program Karnival Haiwan Kesayangan ‘Love Your Paws’ pada pagi ini. Ucapan terima kasih kepada semua pihak terutamanya PDRM, JPV, PERHILITAN, UMK, SPCA, MERCY, petshop dan tidak tertinggalan persatuan kucing dan haiwan

eksotik yang terlibat bersama-sama MPSP menganjurkan karnival yang julung-julung kali diadakan ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua hadirin yang bersama-sama menjayakan program ini. Dan diharapkan kerjasama ini akan berterusan serta dapat memberi manfaat kepada seluruh warga Seberang Perai khususnya.

Dengan ini, saya merasmikan Karnival Haiwan Kesayangan ‘Love Your Paws’ dan saya Sudah dengan ucapan ribuan terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.